



KOPI PAHIT

Menurut berita akhbar bahawa Kiyai Šālih telah menunjukkan buku limanya di hadapan ramai dan dikatakan menepuk dada membangkit masalah-masalah yang lama sambil membidas orang-orang UMNO kerana Panglima Šālih mendakyahkan parti negara. Berita itu dikeluarkan dengan sebeginu rupa di dalam akhbar tempatan sehingga menarik pembaca-pembaca kepada suatu perbalahan sedang, menurut berita-beritanya yang disampaikan, tatkala ada orang-orang yang menolak kebenarannya maka yang demikian dikatakan terus diketepikan – yakni sebelah pihak diberi ruangan yang luas dan yang lain diberi ruangan yang sempit bahkan banyak yang hanya menjadi surat-surat bakul sampah sahaja.

Saya tidak mencampuri perbalahan di antara Kiyai Šālih dan orang-orang UMNO kerana saya berpendapat sama seperti Tuan Haji ‘Abdul Ḥamīd Fāḍil di Muar yang mengatakan jauhilah perbalahan kerana ia merugikan perjuangan Melayu. Yang saya tidak berkenan ialah nampaknya kalau ada sesuatu yang menarik untuk dijadikan perbahasan dibesar-besarkan dan tatkala perbahasan berlaku diberikan sebelah pihak sahaja. Ya – memang beginu bung, kalau awak seorang sahaja!

* * *

Ada orang bertanya kepada saya bagaimana fikiran saudara tentang Sukarno sudah kahwin lagi. Saya jawab tidak apa sebab kahwin lebih baik daripada berzina kerana Islam meluluskan (bukan menggalakkan) kahwin sehingga empat.

– Habis bagaimana jika orang-orang Indonesia ribut-ribut

tentang ini?

– Sebabnya yang ribut bukannya orang Islam tetapi orang-orang Pancasila kerana mereka telah menuntut supaya kahwin lebih dari satu itu dihapuskan!

– Oh! Begitu? Katanya.

* * *

Perkara membanteras pelacuran telah lama menjadi buah rancangan jabatan-jabatan agama dan ahli-ahli agama baik di Johor, di Selangor, ataupun di Perak tetapi nampaknya rancangan dan cadangan itu masih di dalam awang-awangan sahaja – tidak berjalan dan tidak dapat dibuktikan.

Daripada ini zahir bahawa nampaknya orang-orang kita kuat membuat rancangan tetapi tidak kuat melaksanakannya. Hal ini disebut oleh orang-orang di Indonesia – “Banyak bicara sedikit kerja!” – betul bung!

* * *

Pertegangan yang panas harus akan terbit di dalam keadaan sekeliling kita orang-orang Melayu sekarang, terutamanya dalam hal yang mengenai ucapan Panglima Saleh. Di dalam udara yang sedemikian ini sepatutnya akhbar-akhbar bukannya menambah panasnya udara itu sebab yang demikian harus akan membawa dendam yang tidak sudah-sudahnya di antara kedua-dua pihak – yang jika terjadi bukannya di antara orang lain tetapi di antara awak sama awak sendiri, sebangsa dan seagama, dan orang lain tentulah bertepuk tangan dan bersorak – dan kesudahannya jayalah rancangan “pecah-pecahan kemudian perintah”.

Siapa yang rugi? Ingatlah orang-orang kita masih belum faham tentang menghormati fahaman orang lain, dan kerana itu jika terbit sesuatu maka janganlah diapi-apikan untuk faedah diberi tetapi yang utama kenanglah kesannya kepada bangsa dan agama – Cemeti al-Farouk.